



1.4.2019

KENYATAAN MEDIA

oleh DATO' IR. JASENI MAIDINSA
CEO PBA Holdings Bhd dan PBAPP.

PULAU PINANG BERUSAHA UNTUK PASTIKAN JAMINAN BEKALAN AIR SEHINGGA TAHUN 2050

- **Pulau Pinang telah mencapai margin rizab air terawat 32.9% pada tahun 2018, yang tertinggi dan paling selamat di Malaysia.**
- **“Kajian Pelan Induk Bekalan Air Minum di Pulau Pinang hingga Tahun 2050” mengesyorkan pelaksanaan Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS) untuk jaminan air mentah.**

PULAU PINANG, Isnin, 1.4.2019: Pulau Pinang berusaha ke arah mencapai jaminan bekalan air sehingga Tahun 2050, selaras dengan cadangan kajian pelan induk.

Dalam tempoh 2008 - 2018, Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn Bhd (PBAPP) melabur RM682.6 juta dalam projek kejuruteraan bekalan air di Pulau Pinang.

Hasilnya, Pulau Pinang mempunyai margin rizab air terawat 32.9%. Ini adalah margin tertinggi dan paling selamat di Malaysia. Purata margin kebangsaan adalah 14.3% pada 2017, menurut *Malaysia Water Industry Guide 2018* (MWIG 2018).

Pada 14.1.2019, PBAPP mengeluarkan satu kenyataan media yang menyatakan bahawa ia merancang pelaburan sejumlah RM501 juta dalam projek bekalan air dalam tempoh 2019 – 2021, untuk manfaat Pulau Pinang. Siaran media ini dilaporkan meluas dalam pelbagai media cetak dan *online*.

DAKWAAN YANG SALAH DAN MENGELIRUKAN

Pada 26.3.2019, www.aliran.com menerbitkan satu laporan yang bertajuk “Pulau Pinang memerlukan PWMP lebih daripada PTMP”. Laporan ini mendakwa seperti berikut:

- Tiada “Pelan Induk Air Pulau Pinang”.
- Pulau Pinang tidak mempunyai pelan jangka panjang yang komprehensif untuk menguruskan bekalan airnya dan memastikan jaminan air.
- Pulau Pinang tidak membuat susulan kempennya untuk menyelamatkan Ulu Muda, kawasan tadahan air Sungai Muda.
- Jaminan air dipandang ringan di Pulau Pinang.

Empat dakwaan ini adalah salah dan mengelirukan.

“KAJIAN PELAN INDUK BAGI AIR MINUM DI PULAU PINANG SEHINGGA TAHUN 2050”

Pada tahun 2009, PBAPP telah menjalankan “Kajian Pelan Induk untuk Bekalan Air Minum di Pulau Pinang sehingga Tahun 2050” secara bebas. Kajian ini mengunjurkan permintaan air terawat di Pulau Pinang menjadi 1,483 juta liter sehari (MLD) pada 2030; 1,696 MLD pada 2040 dan 1,884 MLD pada 2050.

Kajian itu menyatakan bahawa kira-kira 80% air mentah Pulau Pinang datang dari Sungai Muda, dan terdapat keperluan untuk mengurangkan pergantungan keterlaluan dari satu sumber.

Oleh itu, kajian ini mencadangkan pelaksanaan **Skim Penyaluran Air Mentah Sungai Perak (SPRWTS)**, untuk memperoleh sumber air mentah utama yang kedua bagi Pulau Pinang.

Sejak tahun 2011, Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP cuba mempercepatkan pelaksanaan SPRWTS, bukan sahaja untuk manfaat Pulau Pinang, tetapi juga untuk manfaat Perak Utara .

Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan sebelum ini gagal melaksanakan SPRWTS dalam tempoh 2012 – 2018.

Selepas perubahan Kerajaan Persekutuan pada tahun 2018, Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS) menggesa Perak dan Pulau Pinang



mencari penyelesaian “menang-menang” untuk memanfaatkan Sungai Perak sebagai sumber air mentah.

Pada tahun 2019, KATS telah memimpin dalam mengadakan rundingan antara Perak dan Pulau Pinang di Putrajaya. KATS kini menjalankan kajian teknikal untuk menentukan cara terbaik untuk melaksanakan skim penyaluran air antara negeri ini.

Sila ambil perhatian perkara berikut:

- Bagi Pulau Pinang, potensi maksimum hasil air mentah dari SPRWTS adalah 1,000 MLD.
- Pada tahun 2018, PBAPP menghasilkan 1,073 MLD air terawat setiap hari dengan mengabstrak air mentah dari Sungai Muda dan air mentah lain
- Unjuran permintaan air bagu Pulau Pinang pada tahun 2050 adalah 1,884 MLD.

Oleh itu, berikutan potensi hasil yang dijangkakan, SPRWTS dapat memastikan jaminan bekalan air untuk Pulau Pinang sehingga Tahun 2050.

Jadi, terdapat pelan induk bekalan air untuk Pulau Pinang. Ia dipanggil “Kajian Pelan Induk Bekalan Air Minum di Pulau Pinang hingga Tahun 2050”.

Penemuan, data dan cadangan kajian pelan induk telah disebutkan secara terbuka oleh Kerajaan Negeri Pulau Pinang dan PBAPP sejak tahun 2009.

Sementara itu, SPRWTS mencerminkan komitmen Pulau Pinang dan PBAPP untuk meneruskan *rancangan jangka panjang yang komprehensif untuk memastikan jaminan air untuk Pulau Pinang*, dengan bantuan daripada Kerajaan Persekutuan yang baru.

MEMULIHARA DAN MELINDUNGI ULU MUDA

Pada 4.9.2018 dan 5.9.2018, media *online* dan media cetak Malaysia memetik Menteri KATS YB Dr Xavier Jayakumar sebagai berkata



Kerajaan Negeri Kedah akhirnya bersetuju untuk **mengharamkan pembalakan di Ulu Muda.**

Ulu Muda merujuk kepada kawasan hutan hujan Ulu Muda seluas 163,103 hektar di Kedah. Ia adalah kawasan tadahan air untuk Sungai Muda, yang kini berfungsi sebagai sumber air mentah utama dan satu-satunya di Pulau Pinang.

Pada 6.9.2018, PBAPP mengeluarkan kenyataan media mengucapkan terima kasih kepada KATS dan Kedah di atas pengharaman pembalakan.

Pada 23.10.2018, PBAPP mengeluarkan satu lagi siaran media, mencadangkan langkah-langkah berikut untuk melindungi Ulu Muda secara sah dan mampan:

- a. Memperkenalkan undang-undang Persekutuan yang melindungi Ulu Muda secara sah sebagai “Kawasan Tadahan Air Wilayah Utara” selama-lamanya;
- b. Menubuhkan jabatan Persekutuan untuk memantau dan mengurus Ulu Muda, bukan sahaja sebagai kawasan hutan hujan, tetapi sebagai kawasan tadahan air serantau; dan
- c. Berikan pampasan Persekutuan kepada Kedah untuk memulihara Ulu Muda, bukan sahaja untuk Kedah, tetapi juga untuk Perlis dan Pulau Pinang.

Cadangan-cadangan ini juga dibentangkan dalam mesyuarat dan pernyataan-pernyataan dengan KATS dan Majlis Sumber Air Negara (MSAN).

Oleh itu, ia adalah tidak benar bahawa “tiada apa yang dikatakan mengenai Ulu Muda” selepas sambutan Hari Air Sedunia Pulau Pinang 2018 pada 23.6.2018.

Malah, selepas Pulau Pinang dan PBAPP menekankan pentingnya Ulu Muda sebagai sumber air mentah serantau, pembalakan dilarang di hutan hujan berharga itu.

Pulau Pinang dan PBAPP ingin Ulu Muda dipelihara dan dilindungi dengan sempurna untuk selama-lamanya. Walau bagaimanapun, oleh sebab Ulu



Muda berada di Kedah, tanggungjawab adalah untuk Kerajaan Persekutuan untuk bekerjasama dengan Kedah untuk melaksanakan tindakan yang perlu.

KETELUSAN DALAM PENGURUSAN BEKALAN AIR

Pulau Pinang mungkin merupakan negeri yang paling telus di Malaysia apabila ia berkaitan dengan pengurusan bekalan air. PBAPP telah mempromosikan dengan ketara 5 cabaran utama dalam pengurusan bekalan air:

1. Perubahan Iklim
2. Pembalakan di Ulu Muda
3. Pergantungan tinggi kepada hanya satu sumber air mentah (Sungai Muda)
4. Penggunaan domestik per kapita yang tinggi
5. Dasar “Tiada Catuan Air” Kerajaan Negeri Pulau Pinang

PBAPP juga telah melaksanakan 5 strategi berikut untuk menangani cabaran-cabaran itu:

- **PENGURUSAN PERMINATAAN**
 1. Pendidikan awam dan kesedaran agar orang ramai berwaspada mengenai isu bekalan air dan memupuk budaya jimat air.
 2. Menaikkan nilai air untuk mengurangkan penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang (tertinggi di Malaysia), serta memastikan dana mencukupi untuk projek bekalan air masa depan.

Secara kebetulan, penggunaan domestik per kapita Pulau Pinang adalah 278 liter/kapita/hari (l/c/d) pada tahun 2018 berbanding purata negara 201 l/c/d, manakala sasaran kebangsaan ialah menurunkan kepada 180 l/c/d.

3. Menggalakkan pemasangan peranti penjimatan air mandatori di semua bangunan baru di Pulau Pinang untuk membolehkan kawalan penjimatan air secara automatik.
- **PENGURUSAN BEKALAN**
4. Mengamalkan amalan pengurusan bekalan air holistik termasuk pengurusan permintaan, melindungi tadahan air, menguruskan air tanpa hasil (NRW) dan menaik taraf infrastruktur bekalan air untuk mengurangkan risiko krisis air yang lebih tinggi berikutan perubahan iklim.
 5. Eksplorasi sumber air mentah tambahan untuk Pulau Pinang, termasuk Sungai Perak (air permukaan), penuaian air hujan, kitar semula air dan penyahgaraman.

Dalam tempoh 2016 – 2018, PBAPP mengeluarkan 63 siaran media massa mengenai isu utama bekalan air dan pembangunan di Pulau Pinang dan wilayah Utara, termasuk 15 siaran yang merujuk secara khusus kepada Ulu Muda dan Sungai Muda.

PBAPP juga telah secara aktif menyiarkan berita bekalan air di media sosial melalui Facebook. Siaran media, laporan berita dan kapasiti efektif empangan Pulau Pinang juga dikemas kini secara teratur di www.pba.com.my untuk rujukan awam.

Kakitangan PBAPP telah membentangkan kertas kerja mengenai pengurusan bekalan air lestari di Pulau Pinang ketika persidangan dan forum, untuk manfaat organisasi air, badan kerajaan, NGO, kolej dan organisasi perdagangan di Pulau Pinang, seluruh Malaysia dan luar negara.

Dengan berkongsi maklumat, PBAPP berusaha untuk menggalakkan pembangunan masyarakat yang sedar pentingnya air di Pulau Pinang dan mengutarakan keperluan Pulau Pinang kepada Kerajaan Persekutuan.

Masyarakat sedar pentingnya air lebih mudah menjadi komuniti jimat air yang menggunakan air secara bijak dalam negeri yang kekurangan air.



Dengan memastikan rakyat dan Kerajaan Pusat sedar perkembangan bekalan air di Pulau Pinang, PBAPP sedang mencari sokongan dan membantu mencapai jaminan air untuk negeri ini sehingga Tahun 2050.

Justeru, tidak benar bahawa keselamatan atau jaminan air dipandang ringan di Pulau Pinang.

Sebaliknya, ia diberi keutamaan sebagai keperluan kritikal untuk visi “Pulau Pinang 2030”, untuk menjadi “negeri berorientasi kekeluargaan, hijau dan pintar untuk Inspirasi Negara”.

Terima kasih.

Dikeluarkan oleh : Puan Syarifah Nasywa bt Syed Feisal Barakbah
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 04-200 6607
Email : syarifah@pba.com.my